# PERATURAN PEMARKAHAN

## BAHAGIAN A

| NO SOALAN | JAWAPAN | MARKAH |
|---|---|---|
| **1.** | يحفظوا | [1 markah] |
| **2.** | Bani Mughirah | [1 markah] |
| **3.** | Harus | [1 markah] |
| **4.** | المنسوخ / Hukum yang dibatalkan | [1 markah] |
| **5.** | Wali Mujbir | [1 markah] |
| **6.** | خطبة | [1 markah] |
| **7.** | Kinayah | [1 markah] |
| **8.** | Sebab | [1 markah] |
| **9.** | Mujtahidin | [1 markah] |
| **10.** | Sifat | [1 markah] |
| **11.** | Khas | [1 markah] |
| **12.** | Marih | [1 markah] |
| **13.** | Mudharabah | [1 markah] |
| **14.** | المحمولة إليه | [1 markah] |
| **15.** | Fatihah | [1 markah] |
| **16.** | X | [1 markah] |
| **17.** | √ | [1 markah] |
| **18.** | X | [1 markah] |
| **19.** | √ | [1 markah] |
| **20.** | X | [1 markah] |



Selamat mengulangkaji dari telegram@soalanpercubaanspm
Skema PSI N9 2023

CamScanner

## PERATURAN PEMARKAHAN

## BAHAGIAN B

<table>
<tr><th colspan="3">NO. SOALAN</th><th>SKEMA</th><th>MARKAH</th></tr>
<tr><td>1</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Dua tuntutan hukum dalam ayat:<br>▪ Haram makan makanan yang kotor / bangkai/ darah/ daging khinzir/binatang yang disembelih bukan dengan nama Allah.<br>▪ Harus makan makanan yang haram dalam keadaan darurat tanpa melampaui batas.<br>▪ Wajib memilih makanan yang halal lagi baik.</td><td>2 isi x 1 M<br>= 2 M</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Cara ulama’ mengistinbat hukum :<br>▪ Berdasarkan lafaz كلوا<br>▪ فعل الأمر yang menunjukkan perintah<br>▪ Setiap perintah adalah wajib<br>▪ Oleh itu, kita wajib memilih makanan yang halal dan berkhasiat dalam kehidupan seharian</td><td>4 isi x 1 M<br>= 4 M</td></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td></td><td>Dua perbezaan antara ciri makanan yang halal dan ciri makanan yang haram:
<table>
<tr><th>CIRI MAKANAN YANG HALAL</th><th>CIRI MAKANAN YANG HARAM</th></tr>
<tr><td>Makanan yang tidak beracun seperti buah tin dan kurma</td><td>Makanan yang beracun dan memberikan kemudaratan kepada tubuh badan seperti memakan ikan buntal</td></tr>
<tr><td>Suci dan bersih seperti hati dan limpa</td><td>Makanan yang kotor seperti darah dan najis samada daripada manusia dan haiwan</td></tr>
<tr><td>Binatang yang disembelih ikut syariat Islam dengan mneyebut nama Allah serta memutuskan urat marikh dan halkum</td><td>Haiwan yang menjadi bangkai disebabkan sembelihan yang dilakukan tidak memutuskan urat marikh dan halkum atau mati akibat dilanggar</td></tr>
<tr><td>Tiada dalil yang mengharamkan seperti memakan daging rusa, landak dan sebagainya</td><td>Ada dalil yang mengharamkan seperti memakan binatang yang tidak disembelih mengikiut syariat Islam</td></tr>
</table></td><td>4 isi x 1M<br>= 4 M</td></tr>
</table>



CamScanner

<table>
<tr><td></td><td>(c)</td><td></td><td>Dua sebab Islam menyuruh memakan makanan yang halal:<br>▪ Menjadikan amal ibadat seseorang akan diterima/ supaya sentiasa dalam keredaan Allah.<br>▪ Dapat membentuk darah daging yang baik/ bagi melahirkan insan yang mempunyai sahsiah yang terpuji.<br>▪ Menjadikan diri seseorang mudah memperoleh hidayah Allah dan mengingati pelajaran/ kerana mematuhi perintah dan larangan Allah.</td><td>2 isi x 2M<br>= 4 M</td></tr>
<tr><td></td><td>(d)</td><td>(i)</td><td>Punca berlakunya obesiti dalam kalangan pelajar:<br>▪ Kegagalan untuk mengetahui berat badan ideal/ menjadi punca kepada kes obesiti.<br>▪ Tidak mengamalkan gaya hidup sihat/ bermula pada usia muda.<br>▪ Tidak mengamalkan pemakanan yang seimbang/dalam kehidupan.</td><td>1 isi x 2M<br>= 2 M</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Tindakan yang perlu dilakukan bagi mengelakkan diri daripada terlibat dengan gejala obesiti:<br><br>
<table>
<tr><th>KRITERIA</th><th>SKOR</th></tr>
<tr><td>Isi</td><td>1 markah</td></tr>
<tr><td>Huraian</td><td>1 markah</td></tr>
<tr><td>Huraian lengkap ( dalil/ contoh/ mafhum ayat/ pendapat ulama’ )</td><td>1 markah</td></tr>
<tr><td>Kesimpulan lengkap ( Olahan jawapan menarik/ tepat dan relevan )</td><td>1 markah</td></tr>
</table>
<br>Contoh jawapan :<br>
<table>
<tr><th>KRITERIA</th><th>SKOR</th></tr>
<tr><td>Mengamalkan pemakanan yang seimbang</td><td>1 markah</td></tr>
<tr><td>Berdasarkan piramid makanan yang telah ditetapkan oleh pakar – pakar kesihatan</td><td>1 markah</td></tr>
<tr><td>Contohnya tidak mengambil makanan yang tinggi kadar gula</td><td>1 markah</td></tr>
<tr><td>Oleh itu,amalan gaya hidup sihat amat penting dalam kehidupan bagi mengelakkan penyakit pada usia muda</td><td>1 markah</td></tr>
</table>
<br>Mana – mana jawapan yang munasabah diterima</td><td>4 isi x 1 M<br>= 4 M</td></tr>
</table>



CamScanner

| NO. SOALAN | | | SKEMA | MARKAH |
|---|---|---|---|---|
| **2** | (a) | | Zina ialah perhubungan seks haram antara lelaki dengan Perempuan/ tanpa ikatan perkahwinan yang sah. | 2 isi x 1 M<br>= 2 M |
| | (b) | | Sebab wurud zina :<br>▪ Ketika Rasulullah s.a.w berada di masjid, seorang lelaki muslim datang kepada Baginda s.a.w. Lelaki tersebut telah mengaku bahawa dia telah berzina tetapi Rasulullah s.a.w tidak menghiraukannya.<br>▪ Lelaki tersebut mengulang-ulang sehingga empat kali.<br>▪ Rasulullah s.a.w bertanya sama ada dia mempunyai penyakit gila dan lelaki tersebut menjawab bahawa dia tidak gila.<br>▪ Rasulullah s.a.w bertanya lagi sama ada dia sudah berkahwin dan lelaki itu menjawab bahawa dia telah berkahwin.<br>▪ Kemudian, Rasulullah s.a.w memerintahkan agar lelaki terebut direjam.<br>* Isi ketiga tidak wajib ada | 4 isi x 1 M<br>= 4 M |
| | (c) | | **Dua** jenis hukuman zina<br>▪ Muhsan : Penzina yang telah berkahwin sama ada lelaki atau perempuan akan direjam sehingga mati.<br>▪ Ghairu Muhsan : Penzina yang belum berkahwin sama ada lelaki atau perempuan akan disebat sebanyak 100 kali dan dibuang daerah selama setahun. | 2 isi x 2 M<br>= 4 M |
| | (d) | | **Dua** hujah zina merupakan perbuatan yang keji dan membawa kerosakan :<br>▪ Perbuatan zina menyebabkan keturunan menjadi rosak/ kerana tiada nasab yang sah di sisi syarak.<br>▪ Perzinaan akan membawa kepada masalah sosial/ seperti pembuangan anak.<br>▪ Perbuatan zina akan menyebabkan keruntuhan institusi keluarga/kerana hilang kepercayaan antara suami dan isteri.<br>Mana – mana jawapan yang munasabah diterima | 2 isi x 2 M<br>= 4 M |



CamScanner

<table>
<tr><td></td><td>(e)</td><td>(i)</td><td>Langkah yang perlu diambil oleh pihak berkuasa agar jenayah di atas tidak menular dalam masyarakat:<br><br>
<table>
<tr><th>KRITERIA</th><th>SKOR</th></tr>
<tr><td>Isi</td><td>1 markah</td></tr>
<tr><td>Huraian</td><td>1 markah</td></tr>
<tr><td>Huraian lengkap ( dalil/ contoh/ mafhum ayat/ pendapat ulama’ )</td><td>1 markah</td></tr>
<tr><td>Penerangan huraian lengkap</td><td>1 markah</td></tr>
<tr><td>Kesimpulan ringkas</td><td>1 markah</td></tr>
<tr><td>Kesimpulan lengkap ( Olahan jawapan menarik/ tepat dan relevan )</td><td>1 markah</td></tr>
</table>
<br>Contoh jawapan :<br><br>
<table>
<tr><th>KRITERIA</th><th>SKOR</th></tr>
<tr><td>Menguatkuasakan undang-undang berkaitan kes pembuangan bayi</td><td>1 markah</td></tr>
<tr><td>Seperti penjara seumur hidup bagi pelakunya</td><td>1 markah</td></tr>
<tr><td>Menurut ajaran Islam perbuatan membuang bayi merupakan satu kesalahan dan membawa kepada dosa besar</td><td>1 markah</td></tr>
<tr><td>Kerana perbuatan tersebut sangat zalim dan boleh menyebabkan kematian.</td><td>1 markah</td></tr>
<tr><td>Kesimpulannya, semua pihak mesti bekerjasama membantu pihak berkuasa dalam menangani jenayah ini</td><td>1 markah</td></tr>
<tr><td>dengan memberi kesedaran awal tentang kesan dan bahaya pembuangan bayi@ agar tidak terus menjadi barah dalam masyarakat @ yang boleh menjejaskan imej negara.</td><td>1 markah</td></tr>
</table>
<br>Mana – mana jawapan yang munasabah diterima</td><td>6 isi x 1M<br>= 6 M</td></tr>
</table>

| NO. SOALAN | | | SKEMA | MARKAH |
|---|---|---|---|---|
| 3 | (a) | (i) | Kafalah ialah menjamin hak yang thabit/ diatas tanggungan orang lain atau mendatangkan orang yang menanggung hak atau mendatangkan harta yang dijamin. | 2 isi x 1 M<br>= 2 M |
| | | (ii) | **Dua** jenis kafalah menurut muamalah Islam<br>▪ Kafalah bi Ad-Dayn: Menjamin hutang yang ditanggung oleh orang lain dengan penjamin akan membayar hutang tersebut.<br>▪ Kafalah bi An-Nafs : Cagaran yang mencukupi dan aku janji penjamin untuk memastikan kehadiran orang yang dituduh pada setiap hari perbicaraan. | 2 isi x 2 M<br>= 4 M |
| | (b) | (i) | Ali menghibahkan sebidang tanah milik ayahnya kepada isterinya yang disayangi<br><br>Hukum : Tidak sah<br>Alasan : Syarat harta yang dihibahkan mesti hak milik pemilik yang sebenar. | Hukum:1M<br>Alasan:1M |
| | | (ii) | Zahrah telah menggadaikan penggunaan rumah miliknya kepada Aisyah untuk menanggung perbelanjaan anaknya ke luar negara.<br><br>Hukum: Tidak sah<br>Alasan: Syarat barang gadaian mestilah zat ( fizikal ) dan manfaatnya | Hukum:1M<br>Alasan:1M<br>(salah hukum: 0 M ) |

<table>
<tr><td></td><td>(c)</td><td></td><td>Pandangan cara menjadi jodoh melalui aplikasi media sosial<br><br>
<table>
<tr><th>KRITERIA</th><th>SKOR</th></tr>
<tr><td>Isi</td><td>1 markah</td></tr>
<tr><td>Huraian</td><td>1 markah</td></tr>
<tr><td>Huraian lengkap ( dalil/ contoh/ mafhum ayat/ pendapat ulama' )</td><td>1 markah</td></tr>
<tr><td>Kesimpulan lengkap ( Olahan jawapan menarik/ tepat dan relevan )</td><td>1 markah</td></tr>
</table>
<br>Contoh jawapan:<br>
<table>
<tr><th>KRITERIA</th><th>SKOR</th></tr>
<tr><td>Mencari jodoh melalui aplikasi dalam media sosial dibenarkan dalam Islam</td><td>1 markah</td></tr>
<tr><td>Bagi tujuan kebaikan iaitu membina rumah tangga yang bahagia</td><td>1 markah</td></tr>
<tr><td>Berdasarkan kaedah feqah: pada asal sesuatu hukum itu adalah diharuskan, sehingga terdapat dalil ke atas pengharamannya</td><td>1 markah</td></tr>
<tr><td>Namun jika terdapat unsur kemaksiatan seperti pendedahan aurat dan menimbulkan fitnah,maka ia dilarang dalam Islam</td><td>1 markah</td></tr>
</table>
Mana – mana jawapan munasabah diterima</td><td>4 isi x 1M<br>= 4 M</td></tr>
<tr><td></td><td>(d)</td><td>(i)</td><td>Dua kaedah penthabitan jenayah menurut Islam:<br>▪ Ikrar<br>▪ Syahadah<br>▪ Qarinah<br>▪ Sumpah</td><td>2 isi x 1 M<br>= 2 M</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Dua hujah hukuman jenayah dalam Islam mampu menyelesaikan pelbagai masalah sosial:<br>▪ Hukuman jenayah Islam sesuai dengan naluri dan fitrah manusia / kerana ia datang daripada Allah yang mengetahui apa yang terbaik untuk hambanya.<br>▪ Hukuman jenayah Islam menggalakkan manusia untuk melakukan kebaikan dan mecegah kemungkaran/ demi memelihara maqasid syariah<br>▪ Memberi penekanan ke arah memperkukuhkan akidah yang sahih yang merupakan tunjang kehidupan manusia/agar terbentuk akhlak yang mulia<br>Mana – mana jawapan yang munasabah diterima</td><td>2 isi x 2 M<br>= 4 M</td></tr>
</table>

# PERATURAN PEMARKAHAN
# BAHAGIAN C

| NO. SOALAN | | | SKEMA | MARKAH |
|---|---|---|---|---|
| 4 | (a) | (i) | Ilmu Usul Fiqh ialah Ilmu berkaitan kaedah umum penentuan hukum syarak/ secara amali /melalui dalil – dalil yang terperinci. | 3 isi = 2M<br>2 isi = 1M<br>1 isi = 0 M |
| | | (ii) | **Dua** sebab para sahabat berkeupayaan mengistinbat hukum daripada Al -Quran dan hadith:<br>▪ Memiliki kemahiran bahasa arab yang tinggi / kerana dapat memahami al-quran dan hadis secara mendalam.<br>▪ Memahami sebab nuzul ayat dan sebab wurud hadis. | 2 isi x 2 M<br>= 4 M |
| | (b) | | Hujah menguasai ilmu usul fiqh akan membolehkan seseorang beramal dengan lebih yakin:<br>▪ Mengetahui kaedah yang digunakan oleh ulama' mazhab yang diikuti/dalam menetapkan hukum syarak dan perbezaan dengan mazhab – mazhab yang lain.<br>▪ Mengetahui cara ulama silam mengeluarkan hukum syarak dengan penuh teliti.<br>▪ Mengelakkan umat Islam daripada ajaran yang sesat/ yang menyeleweng daripada asas Islam yang sebenar. | 1 isi x 2 M<br>= 2 M |
| | (c) | (i) | **Dua** ciri undang – undang Islam<br>▪ Rabbaniyah<br>▪ Alamiyyah ( Universal )<br>▪ Syumuliah ( Menyeluruh )<br>▪ Sumber yang asli dan kekal<br>▪ Menghilangkan kesulitan dan mendatangkan kemudahan<br>▪ Memelihara keseimbangan material (kebendaan) dan kerohanian | 2 isi x 1M<br>= 2 M |
| | | (ii) | **Dua** kesan penjajahan barat terhadap pelaksanaan perundangan Islam di Malaysia<br>▪ Sistem perundangan barat telah digunakan sepenuhnya/ dalam mahkamah sivil.<br>▪ Undang – undang barat mempengaruhi sistem kehakiman/dengan diwujudkan enakmen undang – undang sivil.<br>▪ Bidang kuasa raja – raja Melayu sudah dihadkan dalam perundangan Islam/ dengan termeterainya Perjanjian Pangkor 1874.<br>▪ Bidang kuasa mahkamah Syariah telah dibataskan/oleh undang – undang persekutuan.<br>▪ Wujud dualisme dalam sistem perundangan di Malaysia/ iaitu Mahkamah sivil dan Mahkamah Syariah. | 2 isi x 2M<br>= 4 M |



CamScanner

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | (d) | (i) | **Dua** daripada zaman kerajaan Bani Abbasiyah:<br>▪ Zaman kekuatan dan peluasan kuasa<br>▪ Zaman kemasukan pengaruh golongan atrak ( Turki )<br>▪ Zaman kemasukan pengaruh Buhaihi Parsi<br>▪ Zaman Saljuk | 2 isi x 1 M<br>=2 M |
| | | (ii) | **Dua** peranan Baitul Hikmah dalam perkembangan kegiatan ilmu pengetahuan pada zaman kerajaan Bani Abbasiyah:<br>▪ Menjadi tumpuan para ulama untuk melakukan aktiviti penterjemahan,penulisan dan pengajaran.<br>▪ Menjadi tempat ulama dan sasterawan seluruh dunia untuk menguasai pelbagai disiplin ilmu/ dari buku buku di Baitul hikmah.<br>▪ Menjadi ruang khusus untuk para penulis atau penyalin buku – buku yang menerima upah untuk aktiviti penyalinan. | 2 isi x 2M<br>= 4 M |

| **NO. SOALAN** | | | **SKEMA** | **MARKAH** |
|---|---|---|---|---|
| **5** | (a) | (i) | Dalil hukum syarak yang tidak disepakati ialah dalil yang menjadi perselisihan ulama /sama ada boleh diterima sebagai sandaran hukum syarak atau tidak. | 2 isi x 1 M<br>= 2 M |
| | | (ii) | **Dua** pembahagian masalih mursalah beserta contoh<br>▪ Daruriyyat : Kewajipan mempelajari ilmu agama @ Kewajipan menjauhi perbuatan zina.<br>▪ Hajiyyat : Keharusan jual beli melalui internet @ jual beli menggunakan katalog.<br>▪ Tahsiniyyat : Keharusan memakai yang mengikut fesyen semasa tetapi bertepatan dengan syarak. | 2 isi x 2 M<br>= 4 M |
| | (b) | | Lafaz muqayyad:<br>▪ Lafaz دما مسفوحا merupakan lafaz muqayyad<br>▪ Lafaz دما darah yang diharamkan<br>▪ telah diikat dengan sifat mengalir مسفوحا<br>▪ Darah yang tidak mengalir seperti limpa dan hati tidak diharamkan. | 4 isi x 1 M<br>= 4 M |
| | (c) | (i) | **Dua** jasa dan sumbangan Khujah Mikmar Sinan:<br>▪ Membina sebuah jambatan buat kali pertama di Bulgaria.<br>▪ Membina sebuah jambatan bagi menyeberangi sebatang sungai dalam masa 13 hari.<br>▪ Membina masjid-masjid semasa Zaman Bani Uthmaniyyah.<br>▪ Menghasilkan lebih daripada 300 binaan. | 2 isi x 1 M<br>= 2 M |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | (ii) | **Dua** faktor kegemilangan tamadun pada zaman Bani Uthmaniyyah dari aspek ekonomi:<br>▪ Kedudukan kerajaan Bani Uthmaniyyah berada di tempat yang strategik / kerana merupakan laluan perdagangan antara benua Eropah dan Benua Asia.<br>▪ Kota Bursah menjadi pusat perdagangan terkemuka dunia /yang menghimpunkan barang-barang dagangan dari Benua Asia seperti sutera dan minyak wangi.<br>▪ Aktiviti perdagangan yang rancak /telah menyumbang hasil kutipan cukai yang tinggi kepada kerajaan.<br>▪ Tanah-tanah wakaf diuruskan secara sistematik dan telus/ sehingga banyak pusat pengajian dan pusat perniagaan yang besar dapat dibangunkan. | 2 isi x 2M<br>= 4 M |
| | (d) | | **Dua** peranan Mahkamah Syariah<br>▪ Membicarakan dan memutuskan kesalahan-kesalahan jenayah / yang dilakukan oleh orang Islam.<br>▪ Mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding dalam kes-kes mal (bukan jenayah) / seperti diperuntukkan oleh akta atau enakmen.<br>▪ Mendengar dan memutuskan sesuatu rayuan terhadap sesuatu keputusan/ sama ada melibatkan pembebasan, sabitan atau hukuman. | 2 isi x 2M<br>= 4 M |



CamScanner